

# UMS bertekad cemerlang

DALAM siri Wawancara Dengan Naib Canselor minggu lalu, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman berpuas hati dengan pencapaian graduan sulung yang dihasilkannya. Beliau turut menceritakan permerhatiannya mengenai prestasi graduan itu.

Dalam bahagian terakhir siri wawancara itu, Dr Abu Hassan (gambar) menceritakan keunikan program akademik UMS kepada wartawan Berita Minggu, MOHD FUAD RAZALI



DALAM prospektusnya, UMS menyatakan misinya seperti berikut: UMS bertekad mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu ke arah mencapai kemasyhuran di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan dan khidmat masyarakat serta keseimbangan pengkhususan ilmu dan keperibadian pelajarnya untuk menghasilkan produktiviti dan mutu yang tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.

Hasrat yang terkandung dalam misi UMS itu, turut dicernakan dalam struktur pengajiannya yang turut memberi penekanan terhadap keseimbangan antara ilmu teori dengan praktikal, pengetahuan am dan pengkhususan.

Misalnya, kursus teoritikal diajar menerusi semua program pengajaran yang diikuti pelajar manakala kursus gunaan pula diberikan kerana ia berguna dalam kerjaya masa depan mereka. Pelajar UMS mempelajari bidang pengkhususan yang mencukupi untuk mereka mengkhusus dalam bidang pengajaran masing-masing. Bagaimanapun, pada masa yang sama mereka mengikuti kursus minor iaitu kursus luar disiplin pengajaran sebagai pelengkap kepada pengajaran masing-masing.

Selain itu, pelajar UMS juga diwajibkan mengikuti pengajaran umum untuk mendedahkan pelajar dengan lima perkara utama iaitu kemahiran bahasa, kemahiran diri (seperti komunikasi dan literasi komputer), penghayatan sejarah bangsa Malaysia (seperti perlembagaan, pembentukan negara dan isu bahasa), hal ehwal Malaysia dan antarabangsa (seperti isu ekonomi, politik dan sosial) serta pemikiran kritikal dan falsafah.

Kursus itu sebenarnya ditawarkan oleh Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa. Semua pelajar UMS diwajibkan mengikuti subjek Tamadun Islam dan Asia serta Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia. Selain itu, mereka boleh mengambil subjek lain yang ditawarkan di bawah lima gugusan ilmu di atas. Setiap pelajar perlu mengambil sejumlah 21 kredit untuk enam hingga tujuh kursus dalam tempoh tiga tahun pengajian mereka. Mereka boleh memilih sebarang subjek bergantung kepada minat masing-masing.

Menurut Dr Abu Hassan, penawaran subjek ini yang membantu membina keyakinan diri pelajarinya. Bagaimanapun, beliau mengakui kemahiran bahasa adalah kursus yang mendapat sambutan paling hebat daripada pelajar.

Selain itu, semua pelajar UMS juga wajib menjalani latihan industri sama ada di sektor awam maupun swasta. Bagaimanapun tidak seperti kebanyakan universiti lain, UMS menetapkan latihan industri selepas pelajar tamat pengajian tahun ketiga. Latihan selama lapan minggu itu nampaknya mendapat sambutan banyak industri dan organisasi kerajaan.

Biasanya kebanyakan universiti menetapkan latihan industri pada tahun kedua. Tetapi mengapa UMS selepas pelajar tamat pengajian? Menurut Dr Abu Hassan, langkah itu dapat menguji kemampuan pelajar selepas tamat pengajian mereka.

“Malah, dari segi lain, langkah itu memberi kelebihan kepada pelajar UMS kerana berdasarkan tinjauan rambang yang dijalankan di kalangan graduan sewaktu konvolesyen baru-baru ini, sebahagian besar berjaya mendapat pekerjaan di tempat mereka menjalani latihan sama ada di sektor swasta, industri maupun bank.

“Sebenarnya sewaktu membincangkan perkara ini dalam Senat Universiti, kita berpendapat tempoh ini sesuai supaya majikan menguji pelajar yang dilatih di UMS kerana kita yakin sudah memberi mereka pengetahuan yang mencukupi. Bagaimanapun memandangkan mereka adalah kumpulan pertama, peringkat awal pelajar kurang yakin. Namun perkembangan yang berlaku menunjukkan pendapat yang dibuat itu berjaya. Jadi, kita berpendapat ini akan dikekalkan,” katanya sambil tersenyum.

Sungguhpun demikian, Dr Abu Hassan berkata, UMS akan terus memperluaskan kerjasamanya dengan bakal majikan bagi ‘memasarkan’ graduan yang bakal dikeluarkannya dari semasa ke semasa. UMS bercadang untuk membawa sektor korporat melawat kampusnya dan pada masa yang sama merancang mewujudkan inkubator di dalam kampus sebagai cara mendedahkan sektor korporat kepada pelajar UMS.

“Lagipun dengan membawa sektor industri ke dalam universiti, pelajar UMS akan berpeluang mendapat latihan yang lebih luas dengan menggunakan produk industri berkenaan. Dengan itu, pelajar boleh menghubungkan antara pembelajaran teori yang mereka peroleh dalam bilik kuliah dengan pembelajaran melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Industri juga akan mendapat kelebihan kerana boleh mendapat bantuan pelajar dengan cara memberi peluang kepada pelajar menjalankan kegiatan R&D. Dengan itu, sudah tentu pihak industri sendiri dapat menghasilkan penemuan yang lebih produktif,” katanya.

Dengan struktur pengajaran liberal yang dijalankan di UMS itu, Dr Abu Hassan nampaknya tidak berapa bimbang dengan dakwaan majikan tempatan lebih mengutamakan graduan universiti luar negara kerana kononnya mereka lebih menguasai bahasa Inggeris berbanding pelajar universiti tempatan.